

e-DIRECTORY

**Invention, Competition, Conference
and Exhibition (ICCE)**



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

POLITEKNIK
MALAYSIA
TUANKU SULTANAH BAHYAH

**INVENTION, COMPETITION, CONFERENCE
AND EXHIBITION (ICCE)**

ICCE'21 V.10

e-DIRECTORY

**Invention, Competition,
Conference and Exhibition (ICCE)**

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah Kulim Hi-Tech Park
09000 Kulim Kedah
Website: <http://www.ptsb.edu.my>
Tel: 04-4033333
Fax: 04-4033033

Copyright ©2021 Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

All right reserved. Launch in Malaysia. No part of this book may be used or reproduced in any manner or by means, electronic or mechanical, including recording, photocopying or any information storage and retrieval system, without written permission from the authors. This book is a work of fiction. Names, characters, business, organizations, place, events and incidents either are the product of the author's imagination or are used fictitiously. Any resemblance to actual persons, living or dead, events, or locals is entirely coincidental.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

CATALOGUING-IN-PUBLICATION DATA

e-Directory

Invention, Competition, Conference and Exhibition (ICCE)

e-ISBN: 978-967-0855-85-1

e ISBN 978-967-0855-85-1



Organizer

Dr. Rossitah binti Selamat
*Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah*

Editor

Firdaus bin Mohamed Sahid
Dr. Md Razak bin Daud
Ros Saidatunnaziah bt Md Yusoff
Noriza binti Muhamed Yusof
Mohamad Norizham bin Hamzah

Acknowledgement

First of all, we grateful to Almighty Allah SWT for giving us strength and opportunity to complete the Directory for Invention, Competition, Conference and Exhibition (ICCE). This directory was written based on the abstract of student project from Mechanical Engineering, Civil Engineering, Electrical Engineering and Commerce. Last but not least, any ideas or constructive comments are welcome in our continuous effort to improve and enhance the quality of our student projects. Finally, editor would like to express our most profound gratitude and appreciation to anyone who is directly or indirectly for their endless support in the writing of this book.

CONTENT

01

Contents

i

02

Department of Civil Engineering

Diploma in Geomatic

2

Diploma in Civil Engineering

9

03

Department of Electrical Engineering

Diploma in Electrical Engineering

45

04

Department of Mechanical Engineering

Diploma in Mechatronic Engineering

91

Diploma in Mechanical Engineering

95

Diploma in Mechanical Engineering
(Manufacturing)

104

05

Department Of Commerce

Diploma in Marketing

112

Diploma in Business Studies

128

DEPARTMENT OF CIVIL ENGINEERING






DIPLOMA IN GEOMATIC (DGU)

TITTLE:**KAJIAN MENGUJI KALIBRASI APLIKASI MEASURE MELALUI
PERBANDINGAN JARAK BILIK KULIAH JKA****GROUP MEMBERS:**

Puan Azilawati Binti Harun, Dinesh A/L Jisangkar

Department : Civil Engineering Department

**ABSTRACT:**

Dengan perkembangan teknologi telefon mudah alih, terdapat pelbagai aplikasi yang dibangunkan untuk menentukan keluasan sesuatu bangunan. Namun ketepatan aplikasi perlu diuji sebelum digunakan supaya data yang diperolehi memberikan nilai ukuran di dalam had yang dibenarkan. Oleh itu objektif kajian ini ialah untuk menguji nilai ukuran yang diperolehi melalui aplikasi Measure dengan pita ukur dan dibezakan dengan nilai ukuran sebenar berdasarkan pelan bangunan yang diperolehi di Unit Pembangunan Dan Penyelenggaraan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah . Data-data ukuran panjang dan lebar berkenaan dengan bilik kuliah direkod dan diproses menggunakan perisian Microsoft Excel. Analisis perbandingan dilakukan dan daripada keputusan yang diperolehi menunjukkan aplikasi Measure boleh digunakan sebagai alternatif untuk mendapatkan nilai jarak di antara dua sisi kerana nilai yang diperolehi mempunyai nilai yang hampir sama dengan data sebenar.

Kata kunci: Pengukuran, Perangkat Mobile, Aplikasi Measure.

TITTLE:**KAJIAN PETA LALUAN PENGGUNA BERKERUSI RODA DI KAMPUS
POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYIAH (KPLPBDKPTSB)****GROUP MEMBERS:**

Nurul Musfirah Binti Ramli, I'zzatul Fadzilah Binti Adam

Department : Civil Engineering Department

**ABSTRACT:**

Peta laluan khas bagi pengguna yang berkerusi roda masih belum dipetakan di dalam kawasan PTSB. Oleh itu, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menghasilkan satu peta khas bagi dijadikan rujukan oleh pengguna yang menggunakan kerusi roda di dalam kawasan PTSB dan mencadangkan kepada pihak berkenaan seperti pihak Unit Pembangunan dan Penyelenggaraan (UPDP) untuk mewujudkan laluan pengguna berkerusi roda di Jabatan Akademik yang tidak lagi mempunyai laluan khas tersebut. Seterusnya, kajian ini dijalankan mengikut beberapa kaedah. Pertama, kaedah pengumpulan data dimana data yang digunakan merupakan pelan lantai di setiap jabatan yang diperolehi dari UPDP PTSB. Kaedah kedua, analisis data dibuat mengikut standard kemudahan OKU yang sedia ada di dalam kawasan PTSB. Kaedah ketiga, penyediaan laporan, pengumpulan data, tinjauan dan siasatan tapak yang dijalankan di sekitar kampus bagi menilai tahap penyediaan laporan yang akan dikemukakan dan hasil akan ditunjukkan dalam bentuk pelan lokasi berbentuk hardcopy. Kaedah terakhir adalah membuat kesimpulan sama ada kaedah yang digunakan untuk menghasilkan peta bersesuaian ataupun tidak dengan ketepatannya. Tuntasnya, hasil kajian ini adalah menghasilkan peta laluan yang boleh membantu semua pengguna yang menggunakan kerusi roda di dalam kawasan (PTSB) untuk bergerak di dalam kawasan kampus dengan mudah.

Kata kunci: peta laluan, pengguna berkerusi roda, Jabatan Akademik


TITTLE:

PETA PERTAMBAHAN KAWASAN TANAMAN PADI DI KEDAH

GROUP MEMBERS:

Nurul Azuwa Binti Md Muhayadin, Muhammad Anas Bin Mohd Mazlan, Nik Haikal Aidil Bin Nik Hassan, Nor Azlin Binti Sharudin

Department : Civil Engineering Department



ABSTRACT:

Di Malaysia, Kedah sangat terkenal sebagai negeri jelapang padi kerana aktiviti utama sektor pertanian di negeri Kedah adalah penanaman padi. Walaubagaimanapun, didapati masih terdapat kawasan yang mengalami pertambahan keluasan kawasan tanaman padi di beberapa zon tertentu di Kedah. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti kawasan yang berlakunya pertambahan keluasan kawasan tanaman padi serta faktor yang mempengaruhinya. Skop kajian ini adalah bertumpu kepada kawasan tanaman padi di Kedah. Perisian yang digunakan untuk menghasilkan peta dan analisis dalam kajian ini adalah perisian Autocad dan QGIS. Data diperolehi daripada pihak MADA Kedah dalam bentuk jadual lalu dihasilkan dalam bentuk peta dan seterusnya faktor berlakunya pertambahan kawasan diketahui melalui pemerhatian dan temubual. Daripada data yang diperolehi didapati terdapat pertambahan keluasan kawasan tanaman padi sebanyak 3% dalam tiga zon yang berbeza iaitu Jitra, Pendang dan Kota Sarang Semut. Faktor yang menyebabkan berlakunya pertambahan ini adalah, kawasan tanah rendah, kerap berlakunya banjir dan berpayu. Daripada kajian ini, didapati masih terdapat pertambahan keluasan kawasan tanaman padi walaupun secara pemerhatiannya terdapat banyak kawasan tanaman padi menjadi kawasan perumahan ataupun perindustrian.


TITTLE:

PEMBANGUNAN APLIKASI BENCHMARK TRACKER

GROUP MEMBERS:

Mohamad Pauzi Bin Mat Azam, Mak Wai Theng, Muhammad Nazrin Bin Abu Yazid, Nurul Syamimi Binti Abdul Rhofat

Department : Civil Engineering Department



ABSTRACT:

Batu Aras atau dikenali sebagai Benchmark (BM) digunakan sebagai stesen rujukan yang memberikan aras laras dengan merujuk kepada datum Mean Sea Level (MSL). Aplikasi ini dibangunkan untuk mengenal pasti informasi dan status batu aras serta mengesan taburan batu aras dengan mudah. Appsheet digunakan sebagai platform untuk membangunkan aplikasi ini tanpa coding manakala google map akan bertindak sebagai peta asas bagi menyokong aplikasi ini. Menu "Map" dan "Details" yang terdapat dalam aplikasi ini menunjukkan taburan batu aras yang "Hilang" atau "Jumpa" dalam bentuk peta dan senarai. Selain itu, fungsi "add" membenarkan pengguna menambahkan maklumat batu aras. Oleh itu, aplikasi ini akan dipenuhi dengan taburan BM di seluruh Malaysia pada masa yang akan datang. Secara keseluruhan aplikasi ini akan memberi maklumat yang terkini mengenai BM bagi menjimat masa, kos, tenaga dan penggunaan kertas supaya dapat mengatasi masalah dalam pencarian batu aras yang sering mengalami kemusnahan dan gangguan akibat daripada projek-projek pembinaan di kawasan yang pesat membangun.


TITTLE:

INOVASI BEG TRIPOD

GROUP MEMBERS:

Dr Azlan Bin Yahya, Nurul Hanani Binti Abd Hamid, Mohammad Nor Afia Bin Nordin, Mohammad Ikmal Bin Halim

Department : Civil Engineering Department



ABSTRACT:

Penghasilan beg tripod bertujuan untuk mengatasi permasalahan yang timbul sewaktu kerja ukur dilapangan. Masalah yang dihadapi adalah kesukaran untuk membawa tripod ke kawasan lapangan dan berat tripod juga merupakan masalah yang dihadapi oleh pengguna. Selain itu, kehilangan tripod juga perlu dititikberatkan kerana warna tripod yang hampir sama dengan persekitaran di kawasan lapangan. Objektif kajian adalah untuk menghasilkan beg tripod bagi memudahkan pengguna membawa tripod ke kawasan lapangan. Objektif yang terlibat ialah mereka bentuk serta menghasilkan beg tripod dan mendapatkan maklumbalas melalui edaran soal selidik kepada pelajar Jabatan Kejuteraan Awam. Metodologi kajian dari penghasilan beg tripod adalah mengenalpasti masalah, memilih topik yang akan dijalankan dan penghasilan beg tripod. Dapatan kajian yang diperolehi adalah reka bentuk yang memberi kemudahan kepada pelajar dan pensyarah geomatik untuk mengatasi masalah yang terdapat di atas. Penghasilan beg tripod ini memudahkan pengguna membawa tripod ke tapak pengukuran.

Kata kunci: tripod, beg, penghasilan, inovasi.

TITTLE:

PETA DIGITAL KEMUDAHAN KESIHATAN BANDAR SUNGAI PETANI, KEDAH

GROUP MEMBERS:

Khalilah Binti Muhamad, Nurin Syafiqah Binti Muhammad Hamri, Nur Hidayah Fatimah Binti Mohd Zaki

Department : Civil Engineering Department



ABSTRACT:

Isu covid-19 kini menjadi perbincangan utama dikalangan masyarakat umum serta turut memberi kesan besar dalam kehidupan seharian lebih-lebih lagi berkaitan dengan kesihatan. Pencarian kemudahan kesihatan yang berdekatan dengan kawasan penduduk adalah amat penting terutama Ketika kecemasan. Tujuan kajian ini adalah untuk menghasilkan peta digital kemudahan kesihatan di Sungai Petani, Kedah. Seterusnya melakukan analisis kepelbagaian kemudahan kesihatan yang ada. Perisian utama yang digunakan adalah Qgis Versi 3.16.4 untuk proses pengeditan, penyusunan dan analisis. Metodologi yang digunakan adalah bermula dengan kajian literatur seterusnya proses pengumpulan data. Sumber data adalah berdasarkan data primer iaitu soal selidik peringkat awal dan peringkat akhir kajian. Hasil kajian menunjukkan 23.3 peratus kemudahan kesihatan yang ada di Sungai Petani adalah terdiri daripada Kemudahan kesihatan kerajaan, 56.7 peratus kemudahan kesihatan swasta dan 20 peratus adalah pusat dialisis berbayar.



DIPLOMA IN CIVIL ENGINEERING (DKA)

TITTLE:**PENGGUNAAN DEBU KULIT TELUR SEBAGAI BAHAN TAMBAH DALAM PENGHASILAN JUBIN****GROUP MEMBERS:**

Mohd Syafaril Bin Jamaluddin, Anie Wahida Binti Nazri

Department : Civil Engineering Department

**ABSTRACT:**

Projek ini diaplikasikan daripada pemerhatian berdasarkan cara manual yang digunakan sekarang. Objektif projek ini dihasilkan adalah untuk menghasilkan jubin lantai dengan menggunakan debu kulit telur sebagai bahan tambah dalam bancuhan. Tambahan lagi, terdapat beberapa skop kajian yang telah ditetapkan dalam projek ini iaitu, penggunaan kulit telur bahan terbuang sebagai bahan tambah untuk menghasilkan kemasan lantai iaitu jubin. Ujian-ujian yang terlibat terhadap kajian ini ialah ujian resapan air dan ujian lenturan untuk menguji kekuatan lenturan dan tahap resapan air ke atas jubin lantai yang dihasilkan daripada kulit telur. Selain itu, peratusan debu kulit telur yang telah dihasilkan dalam kajian ini ialah sebanyak 5%, 10% dan 15%. Antara kriteria-kriteria pemilihan kemasan lantai perlulah dilihat dari aspek rupa, ketahananlasakan, keselesaan dan keselamatan. Selain itu, kemasan lantai yang dipilih perlulah bersifat menyerap bunyi serta boleh menyerap cahaya supaya memberi kesan yang lebih menarik di sesuatu ruang.

TITTLE:**TINJAUAN TAHAP PELAKSANAAN PROGRAM KITAR SEMULA SISA
PEPEJAL OLEH PIHAK E-IDAMAN DI KAWASAN KULIM UTAMA FASA 2****GROUP MEMBERS:**

**Saedah @ Saedatulfirdaus Binti Sa'arani, Nor Athirah Binti Nasharudin, Nur Fatimamira Binti
Ruslan, Nur Amiera Asyira Binti Rosli**

Department : Civil Engineering Department

ICCE'21 V10

ABSTRACT:

Pada masa kini, isu peningkatan sisa pepejal atau secara umumnya dikenali lebih terperinci sebagai masalah yang boleh mengundang kepada alam sekitar merupakan masalah global dan universal yang perlu diberi perhatian yang serius terutama dalam penggunaan tong kitar semula terpakai. Umumnya, masyarakat mempunyai kesedaran terhadap isu alam sekitar tetapi tahap penglibatan dan amalan penjagaan alam sekitar amatlah rendah. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesedaran masalah kitar semula sisa pepejal terhadap penduduk Kulim Utama Fasa 2. Seramai 100 responden terpilih untuk menjawab soalan borang soal selidik yang disediakan dari keseluruhan populasi penduduk di Kulim Utama Fasa 2. Analisis data pada peringkat deskriptif menggunakan peratus pada setiap item. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan pendapat antara responden yang menjawab. Kajian ini merumuskan bahawa penglibatan masyarakat dalam masalah kitar semula sisa pepejal berada pada tahap tertinggi. Namun begitu, bagi pengetahuan masyarakat tentang isu sisa pepejal berada pada tahap sederhana. Justeru, kajian ini menyarankan penduduk Kulim Utama Fasa 2 untuk mempertingkatkan lagi kesedaran dalam pengetahuan kitar semula sisa pepejal.

TITTLE:

**PRODUCE INTERLOCKING BRICK FROM COCONUT HUSK WASTE
2021**

GROUP MEMBERS:

**Zainordin Firdaus Bin Zulkefli, Norhayati Binti Osman, Kuladevan A/L Kulasegaran, Milashini
A/L Tharmaraja**

Department : Civil Engineering Department



ABSTRACT:

As times goes by we can find that there is always new technologies evolving in our day to-day basis, one of that includes making the interlocking brick using corn kernel and coconut husk. The objective of this project is to design an interlocking brick design and to further run tests such as compression test and water absorption test. Our scope toward the project is to choose the issue of agricultural waste towards construction material. In this paper a new type of interlocking brick was proposed which consists of four main parts. This paper gives the results of an experiment in which the water absorption and cost comparison of bricks were investigated by using varying percentage of coconut husk, cement, and sand with different mix proportion.

TITTLE:**PEMBAHARUAN KON KESELAMATAN JALAN(E-kon)****GROUP MEMBERS:**

Noor Liza Bin Ramli, Muhammad 'Izzat B. Mohd Nor, Muhamad Amirul Faiz Bin Samsudin

Department : Civil Engineering Department


**ABSTRACT:**

Kon keselamatan adalah suatu alat keselamatan yang digunakan sebagai tanda amaran kepada pengguna jalan raya yang lain bahawa terdapat kenderaan atau kerja-kerja penyelenggaraan yang lain yang sedang diletakkan berhampiran dengan kon tersebut. Kon keselamatan tidaklah semestinya berbentuk kon tetapi terdapat pelbagai bentuk kon keselamatan di pasaran. Terdapat juga cara-cara yang lain bagi menandakan bahawa ada sesuatu yang sedang berlaku di hadapan semasa berada di jalanraya, tetapi penggunaan kon keselamatan adalah yang praktikal. Oleh sebab itu, kon keselamatan hendaklah dipertingkatkan tahap penggunaannya supaya dapat memberikan keselamatan semaksima yang boleh. "Renovation Of Street Cone" merupakan sebuah produk inovasi yang telah diubahsuai dari produk asal iaitu Safety Traffic PVC Cone yang digunakan sebagai alat pemberi isyarat semasa kecemasan terutamanya di laluan jalan/ jalan raya. Safety Traffic Cone diperbuat dari bahan plastik / PVC yang berkualiti yang tahan terhadap perubahan cuaca tetapi tidak fleksibel di mana ianya tidak boleh dikesilkan saiznya berbanding rekabentuk Renovation of Street Cone yang kami menaiktarafkan yang diperbuat dari gabungan plastik yang berkualiti tinggi dan kanvas yang bertingkat-tingkat bagi memudahkan kon dimampatkan menjadi saiz yang lebih kecil dan memudahkan proses penyimpanan sama ada di dalam kenderaan mahupun di dalam tempat penyimpanan barangan.

TITTLE:**MEREKABENTUK PELAN DAN MENDIRIKAN RUMAH KEDIAMAN SETINGKAT BERKONSEPKAN IBS MENGGUNAKAN PERISIAN AutoCAD; BAGI TUJUAN PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN****GROUP MEMBERS:**

Muhammad Harith Aiman Bin Zakaria, Muhammad Hafizuddin Bin Mohammad Fadzir

Department : Civil Engineering Department

**ABSTRACT:**

AutoCAD merupakan perisian yang digunakan dalam bidang kejuruteraan terutamanya bidang kejuruteraan awam bagi mengasalkan rekabentuk bangunan yang ingin dihasilkan bagi memudahkan proses pembinaan. Tanpa pelan yang dihasilkan oleh AutoCAD kerja kerja pembinaan akan menjadi sukar terutamanya jika ingin membina binaan yang besar. Dalam tugas ini kami menggunakan pelan 2D dan 3D yang dihasilkan melalui perisian AutoCAD. Kami hanya diajarkan untuk menghasilkan pelan 2D maka cabaran kami adalah untuk mempelajari dan menghasilkan pelan 3D untuk memudahkan penghasilan model miniatur. Kami banyak mempelajari teknik dan kemahiran menghasilkan pelan 3D daripada penyelia kami iaitu Puan Nurul Syuhada Binti Safaruddin. Selain itu kami turut merujuk youtube melalui video daripada pakar pakar membuat pelan 3D. Dengan menggunakan pelan 3D penghasilan model miniatur IBS adalah sangat mudah dan cepat

TITTLE:**MENGHASILKAN MORTAR SPREADER BAGI KEGUNAAN PELAJAR
MENJALANKAN AMALI DI BENGKEL BATA POLITEKNIK TUANKU
SULTANAH BAHYAH****GROUP MEMBERS:**

Maslina Binti Suleiman, Muhammad Aidil Bin Mohd Tajuddin, Nur Amiera Binti Roslan

Department : Civil Engineering Department


**ABSTRACT:**

Alat pemudah mengikat bata ini direka dengan kegunaan tersendiri. Sebagai contoh, pengguna tidak risau tentang ketinggian dan kelebaran mortar yang telah dilepaskan dari alat pemudah mengikat bata kerana ia sudah mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Selain itu, bahan yang digunakan untuk membuat alat pemudah mengikat bata amatlah berkualiti. Bahan yang digunakan ialah berasaskan aloi dan polietiena di permukaan gelongsor. Penggunaan bahan yang berkualiti dapat membuatkan jangka hayat produk lebih lama. Seterusnya alat menjadi lebih kukuh dan mengurangkan risiko untuk mengalami kecederaan fizikal ketika menggunakan alat tersebut. Sebagai contoh, tempat simpanan pecah ketika proses penggunaan, ia boleh mengakibatkan kecederaan kepada pengguna. Disebabkan itu, bahan yang digunakan mestilah yang berkualiti jadi risiko kemalangan ketika penggunaan amatlah rendah.

TITTLE:**MENGGANTIKAN CAT PUTIH ASAL PADA GARISAN DI ATAS JALAN RAYA DENGAN CAT YANG BERCAHAYA DI DALAM GELAP****GROUP MEMBERS:**

Naziah Binti Mohd Isa, Muhammad Ikmal Hanif Bin Ismail, Muhamad Nur Akmal Bin Mohamad Daud

Department : Civil Engineering Department

**ABSTRACT:**

Sejajar dengan perkembangan dunia yang menuju ke era teknologi maklumat, garisan jalan raya bercahaya dalam gelap berfungsi sebagai suatu ciptaan bahan baru yang penting dalam pembinaan garisan jalan raya. Disebabkan itu, sebuah produk baru tentang garisan jalan raya telah diciptakan dan pengurusan bagi Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah telah mengiktirafkan tentang kepenggunaan produk ini dan akan dikomersialkan pada masa akan datang. Ini berikutan daripada beberapa masalah kes kemalangan yang timbul pada waktu malam yang mengakibatkan berlakunya kemalangan yang kerap. Terdapat juga garisan jalan yang mudah terhakis dan ketiadaan lampu jalan di sekitar jalan raya menyebabkan penggunaan kurang penglihatan dan peratus untuk berlakunya kemalangan sangat tinggi. Selain itu, beberapa jenis garisan jalan raya yang berkonsepkan bercahaya dalam gelap ini telah direkakan untuk menjimatkan lagi kos pembinaan di samping mampu mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Produk ini dilakukan bertujuan untuk menghasilkan satu produk binaan yang baru, serta mengkaji kerberkesanan penggunaannya mengurangkan kes kemalangan jalan raya. Akhirnya, satu produk pembinaan garisan jalan raya bercahaya dalam gelap ini dapat dihasilkan.

TITTLE:**PENAMBAHBAIKKAN PERANGKAP SAMPAH DI SISTEM PERPARITAN TERBUKA****GROUP MEMBERS:**

Ashikin Binti Marzuki, Muhammad Shazmienn Bin Muhd Rizuan, Muhammad Izzat Arif Bin Zakaria

Department : Civil Engineering Department

**ABSTRACT:**

Projek ini diaplikasikan daripada pemerhatian berdasarkan cara manual yang digunakan sekarang iaitu menghalang sampah sarap daripada memasuki sungai. Objektif projek ini dihasilkan adalah untuk merekabentuk perangkap sampah untuk sistem perparitan terbuka. Tambahan lagi, terdapat beberapa kepentingan kajian yang telah ditetapkan dalam projek ini iaitu, memastikan sistem perparitan terbuka berjalan dengan lancar. Hal ini kerana bagi menyelesaikan masalah sampah sarap yang mengalir ke sungai dan mengakibatkan sungai tercemar. Bahan-bahan bagi projek ini perlulah mempunyai ciri khas kerana berada di bawah panas matahari dan hujan. Ciri-ciri khas itu ialah seperti tahan karat, mampu menampung beban yang berat dan tahan lama. Perangkap sampah ini diberi nama Rubbish Iron Trap atau lebih singkat disebut sebagai (RIT). Kajian ini adalah untuk menghasilkan sebuah perangkap sampah yang dapat memudahkan kerja-kerja pembersihan dan pengutipan sampah. Ia dipasang bagi menyelesaikan beberapa masalah contohnya longkang tersumbat di mana ia boleh menyebabkan pengaliran air tidak begitu lancar. Manakala bagi proses pembentukan projek, kajian digunakan bagi merancang proses penghasilan projek dengan menggunakan carta alir sebagai panduan untuk perancangan penghasilan dan pengujian projek. Berdasarkan keputusan ini, hasil analisis dan perbincangan yang telah dijalankan, merumuskan bahawa Rubbish Iron Trap (RIT) telah mencapai objektif yang telah dibincangkan dan terbukti mampu menampung berat sampah dan menahan sampah dari terus mengalir ke sungai.

TITTLE:**SISTEM PENYEJUK RUMAH BERATAPKAN ZINK MENGGUNAKAN TENAGA SOLAR DAN KITARAN AIR TADAHAN****GROUP MEMBERS:**

Azhani Binti Ariffin, Masitah Binti Ismail, Nurul Asmyza Binti Hasly

Department : Civil Engineering Department

**ABSTRACT:**


Masalah ini timbul pada waktu tengahari kerana peningkatan suhu atap zink meningkat dengan mendadak mengakibatkan bahang panas di dalam rumah menimbulkan ketidakselesaan kepada penghuni di dalam rumah. Sifat atap zink sebagai pengaliran haba yang baik menyebabkan sesebuah rumah itu cepat sejuk dan cepat panas serentak dengan suhu di luar rumah. Oleh itu, air mampu berfungsi sebagai medium yang dapat mengimbangi kadar perubahan suhu di luar semakin panas dan mengekalkan cuaca sejuk jika hujan berterusan. Keadaan ini membantu menurunkan suhu di dalam rumah. Walau bagaimana pun, pemasangan siling boleh menjadikan satu cara yang baik namun kadangkala ianya tidak mencukupi untuk mengubah keadaan suhu di dalam rumah ke tahap yang diinginkan oleh penghuni rumah. Oleh itu, kajian alternatif untuk membantu mengatasi masalah ini adalah dengan menggunakan kitaran air tadahan untuk menjadikan sumber penyejuk yang dialirkan ke atas atap zink ketika waktu kemuncak (cuaca panas). Kaedah ini dilakukan dengan menyedut air tadahan naik ke atas bumbung rumah dengan menggunakan panel solar untuk mengaktifkan pam penyedut dan air dialirkan turun dalam keadaan curahan air yang matai atap zink kemudian mengalir ke dalam bekas tadahan air. Ujian ini dilakukan pada keadaan cuaca yang panas, dari 12.00 tengahari hingga 3.00 petang dengan membaca suhu keadaan rumah yang ditetapkan. Keputusan mendapati kaedah ini dapat menurunkan kadar suhu di dalam rumah tersebut.

Kata kunci: sistem penyejuk, panel solar, pam penyedut.

TITTLE:**PENGHASILAN “HAND PRO PLASTER” UNTUK MEMUDAHKAN PROSES PELEPAAN PADA DINDING BANGUNAN****GROUP MEMBERS:**

Zaim Bin Zakaria, Muhammad Zahid Bin Rushdan, Muhammad Annur Faiz Bin Adnan

Department : Civil Engineering Department

**ABSTRACT:**

Hand Pro Plaster ini direka khas untuk memudahkan serta mempercepatkan kerja-kerja pelepasan di tapak pembinaan. Pembangunan projek ini, menggunakan bahan yang mudah didapati serta penggunaan besi yang tidak mudah karat seperti plat besi dan juga batang besi. Penggunaan alat ini berfungsi bertujuan mempercepatkan proses pelepasan pada dinding bangunan dengan itu ketebalan mortar pada dinding juga seragam apabila pelepasan dilakukan. Alat ini juga mampu menampung kapasiti mortar seberat 1kg. Dari aspek keselamatan alat ini mempunyai dua pemegang yang diperbuat daripada batang besi yang berfungsi bagi memegang alatan yang mempunyai mortar didalamnya lebih kukuh. Selain itu, muncung dibahagian hadapan alat direka dengan ketinggian 20 mm agar mortar yang dilepa mendapat ketebalan yang sama pada dinding bangunan. Disamping itu, penciptaan alatan ini juga membolehkan pekerja yang kurang berkemahiran melakukan kerja-kerja pelepasan. Justeru itu, setiap pekerja tidak perlu bimbang dalam melakukan pelepasan jika penggunaan alatan ini digunakan di tapak pembinaan, ianya dapat mempercepatkan proses pelepasan tersebut.

Kata kunci: pelepasan, Hand Pro.

TITTLE:

KAJIAN TENTANG TAHAP KEPUASAN PENGGUNA TERHADAP PERKHIDMATAN BAS KOMUNITI DAN KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN DI TERMINAL BAS KULIM

GROUP MEMBERS:

Asiah Binti Ariffin, Danial Asyraf Bin Abdul Ghani, Nur Khairina Syakirah Binti Sahimi

Department : Civil Engineering Department



ABSTRACT:

Terminal Bas Kulim merupakan salah satu kemudahan dalam sistem pengangkutan awam yang disediakan di daerah Kulim. Ia merupakan tempat yang menjadi tumpuan bas ekspres, bas tempatan dan teksi yang memberikan perkhidmatan mengambil dan menurunkan penumpang serta dijadikan tempat perhentian sebelum semua pengangkutan awam memulakan perjalanannya ke suatu destinasi yang tertentu. Sistem kemudahan dan perkhidmatan bas transit sering dikaitkan dengan ketidak berkesan perkhidmatan yang diberikan kepada pengguna. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kepuasan pengguna terhadap kemudahan di Terminal Bas Kulim dan menentukan tahap keselesaan dan keselamatan bas transit yang mengambil penumpang di terminal bas. Faktor keselesaan dan keselamatan bas transit perlu diberi keutamaan oleh pihak berkuasa MPKK bagi penambahbaikan supaya menarik lebih ramai penduduk menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam dan mempunyai kesedaran dalam mengurangkan isu pencemaran alam sekitar yang berpunca dari kenderaan.

Kata kunci; perkhidmatan pengguna, keselesaan, keselamatan, bas transit, terminal bas.


TITTLE:

KEMALANGAN JALAN RAYA DARIPADA PERSPEKTIF KEROSAKAN JALAN. KAJIAN KES : FT 136 DAN K 812

GROUP MEMBERS:

Nadhirah Binti Nor Zelan, Nur Alya Syafiqah Binti Mahadi, Nurfatin Alia Binti Ahmad

Department : Civil Engineering Department



ABSTRACT:

Kemalangan jalan raya dari perspektif kerosakan jalan adalah kajian yang dijalankan untuk melihat jenis kerosakan jalan raya dan sekaligus mengenalpasti kekerapan kemalangan jalan raya di daerah Kulim/Bandar Baharu. Skop kajian ini tertumpu di jalan FT 136 iaitu Jalan Serdang – Lunas – Padang Serai – Merbau Pulas manakala jalan ke dua ialah K 812 iaitu Jalan Air merah – Keladi – Paya Besar – Batu 8 Sg Seluang. Seterusnya objektif kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kekerapan kemalangan jalan raya di daerah Kulim/Bandar Baharu, Mengenalpasti 2 jalan yang mempunyai kekerapan kemalangan yang tinggi di daerah Kulim/Bandar Baharu dan mengenalpasti kerosakan jalan di daerah Kulim/Bandar Baharu. Pernyataan masalah bagi kajian ini adalah untuk mengetahui kemalangan jalan raya di daerah Kulim/Bandar Baharu dan untuk mengetahui peningkatan kadar kerosakan jalan raya di daerah Kulim/Bandar Baharu. Kajian ini juga boleh digunakan untuk meningkatkan mutu kerja dalam menyelenggara jalan raya.

Kata kunci: kemalangan jalan raya, kerosakan jalan raya.

TITTLE:**SISTEM PENAPIS DAN TADAHAN AIR HUJAN (SP-TAH)****GROUP MEMBERS:**

Rossitah Binti Selamat, Muhammad Amirul Adib Bin Mohd Haizan, Abdullah Hassan Bin Kamaluddin

Department : Civil Engineering Department

**ABSTRACT:**

Sistem Penapis dan Tadahan air hujan (SP-TAH) ini berfungsi untuk menyaring dan menapis air hujan untuk memastikan tahap kualiti air hujan dalam keadaan baik dan mencapai standard kualiti air yang ditetapkan. Dalam penapis ini, terdapat beberapa lapisan media penapis yang mempunyai tujuan dan kelebihan tertentu. Lapisan media tersebut terdiri daripada arang aktif, batu kerikil, zeolit, pasir silika dan daun Ketapang. Saiz penapis ini (PxL) 600mm x 100mm. Penapis ini tidak memerlukan kemahiran yang tinggi untuk menyelenggarakannya. Bahan-bahan dan media yang diperlukan juga mudah didapati. Sistem ini juga untuk menghasilkan sistem penapis dan tadahan air hujan yang mana penapis dan mengumpul air hujan bagi kegunaan secara domestik. Alat ini dipasang dipalung bumbung iaitu mengumpul air hujan melalui palung salur air kemudian air di alirkan ke dalam penapis seterusnya ditapis kedalam tangki yang disambungkan dengan penapis tersebut. Berdasarkan keputusan hasil analisis dan perbincangan yang telah dijalankan dapat dirumus bahawa pada kajian seterusnya, ialah menghasilkan pelbagai jenis rekabentuk dan saiz mengikut kesesuaian rumah-rumah dan mengkaji lagi media-media didalam penapis untuk lebih berkesan dan bermanfaat lagi.

TITTLE:**KAJIAN TAHAP PENGETAHUAN DAN AMALAN KITAR SEMULA
DALAM KALANGAN WARGA POLITEKNIK TUANKU SULTANAH
BAHIYAH****GROUP MEMBERS:**

Azalina Binti Khalil, Durga A/P Ravichandran, Puvanesan A/L Maniam

Department : Civil Engineering Department

ICCE'21 V10

ABSTRACT:


Kitar semula merupakan satu usaha mengumpul, memproses dan mengguna semula bahan-bahan yang telah digunakan. Kajian berbentuk deskriptif ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan amalan kitar semula dalam kalangan warga Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Fokus kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan amalan kitar semula dalam kalangan warga PTSB. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik. Statistik deskriptif dengan peratusan yang diperolehi dianalisis menggunakan excel. Sampel kajian ini melibatkan responden yang terdiri daripada warga Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini berbentuk soal selidik yang mengandungi tiga bahagian iaitu latar belakang responden (Bahagian A), persoalan Kajian Tahap Pengetahuan Kitar Semula (Bahagian B) dan Amalan Kitar Semula (Bahagian C). Hasil kajian menunjukkan skor min yang diperolehi bagi tahap pengetahuan dan amalan kitar semula masing-masing menyumbang nilai sebanyak 3.89 dan 3.84. Hal ini menunjukkan warga Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah sedar tentang kepentingan kitar semula untuk kebaikan masyarakat seluruhnya. Semua pihak harus memberi komitmen dan usaha melaksanakan kitar semula. Justeru, kitar semula bahan-bahan buangan seperti kertas, tin, kaca, surat khabar dan sebagainya adalah satu pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Kata kunci: pengetahuan kitar semula, amalan kitar semula, amalan 5R.

TITTLE:**KAJIAN BANCUAN KONKRIT DENGAN MENGGUNAKAN KULIT TELUR SEBAGAI BAHAN TAMBAHAN****GROUP MEMBERS:**

Muhamad Aizat Bin Zolkofle, Sharon Anne A/P Kathirvehl, Gunaselaan A/L Sandaran

Department : Civil Engineering Department

**ABSTRACT:**

Konkrit merupakan bahan yang digunakan dalam kerja-kerja pembinaan khususnya pembinaan bangunan. Digunakan secara meluas ke seluruh dunia kerana kelebihan serta ciri-ciri yang terdapat pada bahan tersebut menepati kehendak dan standard yang ditetapkan kerja-kerja pembinaan infrastruktur. Kajian ini menerangkan tentang penyiasatan terhadap penggunaan bahan tambahan iaitu kulit telur dalam bancuhan konkrit. Dengan mengelaskan empat bancuhan konkrit sebagai sampel A, B, C, dan D, bahan tambahan iaitu kulit telur dicampurkan ke dalam bancuhan konkrit dengan nilai gandaan 10% pada setiap sampel seperti, 0% pada sampel A (konkrit kawalan), 10% pada sampel B, 20% pada sampel C dan 30% pada sampel D. Selepas melakukan ujian keatas sampel tersebut, keputusan yang diperolehi direkodkan bagi membuat perbandingan kekuatan diantara sampel-sampel tersebut. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti adakah bancuhan kokrit dengan bahan tambahan iaitu kulit telur ini mampu memberikan nilai kekuatan yang sama atau lebih dengan bancuhan konkrit asal sekaligus boleh diaplikasikan dalam pembinaan.

Kata kunci : bancuhan kuib konkrit, kulit telur, merekabentuk.

TITLE:**GREEN ROOF****GROUP MEMBERS:**

Visnukala A/L Ramalingam, Jeevakumaran A/L Duraisami Pilai, Khirubanandhan A/L Samugam

Department : Civil Engineering Department

**ABSTRACT:**

Green roof is a balance of vegetation rooftop that has been since ancient times in hot and cold climates. Green roof is an Eco-roof also known as a roof covering with vegetation on top of the building. In Kulim, the weather is increasing rapidly with the temperature of 34°C to 36°C that led to many health problems. Extreme heat can cause heat exhaustion, heat cramps, heat stroke and can even cause death. By installing green roof it helps lower the temperature of house and keep the inner house cooling in the morning, afternoon and evening. Green roof can give positive impact on the environment and climate. Better air quality, energy conservation, noise reduction and give many natural benefits are some the advantage of green roofs. The primary objective of this project is to achieve the temperature before and after installation of green roof. The data gathered from the thermal analysis test, clearly shows that green roof temperature is lower than normal roof in all three periods of time morning, afternoon, and evening.

Kata kunci: green roof, thermal analysis, temperature.

TITTLE:**KAJIAN KESEDARAN DALAM KALANGAN PEKERJA DI TAPAK
PEMBINAAN DARI SEGI PEMAKAIAN PPE****GROUP MEMBERS:**

Rusmaliza Abd Rashid, Siti Nur Khafiza Binti Zulkarnain, Noor Emylia Natasha Binti Mohd Nasir

Department : Civil Engineering Department

ICCE'21 V10

ABSTRACT:

Amalan pematuhan kelengkapan pelindung diri (PPE) di tapak bina oleh pekerja adalah amat penting kerana ia dianggap sebagai satu peraturan yang harus diikuti bagi mengelakkan daripada sebarang risiko kemalangan. Kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi penggunaan PPE dan kesalahan-kesalahan yang biasa dilakukan di kalangan pekerja di tapak bina serta kaedah yang boleh digunapakai untuk mengatasi masalah ketidakpatuhan terhadap pemakaian PPE di kalangan pekerja di tapak bina. Hasil analisis daripada dapatan kajian menunjukkan min tertinggi bagi kedua-dua objektif kajian ini adalah faktor pekerja tidak patuh pada arahan yang diberikan oleh majikan berkenaan pemakaian PPE. Oleh itu, pekerja perlu mengubah sikap mentaliti masing-masing dalam pematuhan pemakaian PPE sebelum memulakan pekerjaan. Manakala kaedah mengatasi masalah pelaksanaan amalan pematuhan PPE dalam kalangan pekerja tapak bina pula ialah majikan memberikan pendedahan kepada pekerja tentang risiko bahaya jika tidak memakai pakaian PPE semasa bekerja. Kesimpulannya, penggunaan PPE adalah perlu kerana ia mampu mencegah berlakunya kecederaan dan kemalangan kepada pekerja di tapak bina. Kesimpulannya, kajian ini dapat memberi maklumat tambahan untuk penambahbaikan dalam isu keselamatan ini.

TITTLE:

RAPID SAND FILTER

GROUP MEMBERS:

Aghilesvari A/P Vijayakumaran, Azizatul Aishah Binti Ibrahim, Surendiran A/L Kumarasamy, Uganis A/ L Mohan

Department : Civil Engineering Department



ABSTRACT:

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengetahui potensi sabut kelapa, pasir dan batu kerikil yang digunakan dalam penapis air Rapid Sand Filter . Sebanyak tiga stesen pensampelan telah dipilih dari bahagian hulu ke hilir sungai ini untuk menilai indeks kualiti air di sepanjang sungai tersebut. Objektif kajian ini adalah menentukan sifat fizikal air dengan Rapid sand filter, merekabentuk penapis air rapid sand filter serta menentukan perbezaan antara sifat air mentah dan air Sungai Mahang. Parameter yang diuji dalam analisis air sungai ialah ujian ph, kekeruhan, bahan terampai (TSS), permintaan oksigen kimia, cod dan keperluan oksigen biokimia (BOD). Cadangan yang boleh ditambahbaik dalam RSF ini adalah dengan menambahkan rak untuk setiap lapisan untuk membersihkan bahan lapisan serta menggantikan bahan lapisan yang baru dengan mudah dan cepat. Secara keseleruhannya, RSF ini menunjukkan keberkesanan memerangkap benda asing yang terlarut dalam air yang tercemar dan juga mengeruhkan air.

Kata kunci : merekabentuk, penapis air, sifat air.

TITTLE:**SMART WATER TANK****GROUP MEMBERS:**

Kamal Irfan Bin Hasbullah Bushro, Mohammad Akmal Bin Mohd Radzi, Ain Afiqah Husna Binti Mohd Hasan

Department : Civil Engineering Department


**ABSTRACT:**

Kajian ini bertujuan untuk menggantikan injap bebola di dalam tangki simpanan air dengan mengukur pH air dan mengukur bacaan aras ketinggian air. Objektif yang digunakan ialah merekabentuk alat inovasi dan menguji alat dengan dua jenis kajian iaitu mengukur pH air dan mengukur bacaan aras ketinggian air di dalam tangki simpanan air. Kesemua ini ditetapkan bagi menyelesaikan beberapa masalah yang timbul dengan penggunaan kaedah sedia ada antaranya tangki simpanan air yang terbuka dan tidak tertutup rapat yang mengakibatkan air kotor dan injap bebola rosak yang menyebabkan air melimpah. Selain itu, Ujikaji yang pertama iaitu mengukur pH air, menggunakan 3 jenis sampel air iaitu air hujan, air paip serta air sungai dan ujikaji yang kedua iaitu mengukur bacaan ketinggian aras air, menggunakan air paip dengan isipadu yang berbeza. Data yang diperolehi dari kedua-dua jenis ujikaji telah dilakarkan di dalam bentuk graf. Kajian ini telah dijalankan di kawasan Taman Senangin, Kulim, Kedah. Seterusnya, untuk mengukuhkan lagi data yang diperolehi bagi menyiapkan projek ini ialah melalui borang soal selidik menggunakan 'google form' kepada 35 orang responden dalam kalangan pelajar.

TITTLE:**INOVASI PENGHASILAN PENANDA JALAN MENGGUNAKAN
CAMPURAN FLORENSCENT POWDER****GROUP MEMBERS:**

Nur Alia Safiah Binti Aznan, Nur Zaity Awliya Binti Muhamad Zaidi

Department : Civil Engineering Department

**ABSTRACT:**

Projek ini diaplikasikan daripada pemerhatian berdasarkan, garisan jalan raya bercahaya dalam gelap berfungsi sebagai suatu ciptaan bahan baru yang penting dalam pembinaan garisan jalan raya. Disebabkan itu, sebuah produk baru tentang garisan jalan raya telah diciptakan tentang kepenggunaan produk ini dan akan dikomersialkan pada masa akan datang. Ini berikutan daripada beberapa masalah kes kemalangan yang timbul pada waktu malam yang mengakibatkan berlakunya kemalangan yang kerap. Terdapat juga garisan jalan yang mudah terhakis dan ketiadaan lampu jalan di sekitar jalan raya menyebabkan penggunaan kurang penglihatan dan peratus untuk berlakunya kemalangan sangat tinggi. Selain itu, beberapa jenis garisan jalan raya yang berkonsepkan bercahaya dalam gelap ini telah direkakan untuk menjimatkan lagi kos pembinaan di samping mampu mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Produk ini dilakukan bertujuan untuk menghasilkan satu produk binaan yang baru, serta mengkaji kerberkesanan cahaya pada penanda putih jalan raya yang mampu membantu pengguna yang mempunyai masalah penglihatan yang kurang jelas serta mengurangkan kes kemalangan jalan raya. Akhirnya, satu produk pembinaan garisan jalan raya bercahaya dalam gelap ini dapat dihasilkan

TITTLE:

**KAJIAN TAHAP KEPATUHAN PEMILIK PREMIS DALAM MEMATUHI
PERATURAN YANG DIGARISKAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN
(PBT) BAGI KERJA PENGUBAHSUAIAN RUMAH**

GROUP MEMBERS:

Samsul Bin Abd Ashid, Nor Ain Nadia Binti Alias, Azlin Shahira Binti Noorhisham

Department : Civil Engineering Department

ICCE'21 V10

ABSTRACT:

Tajuk kajian ialah kesedaran pemilik premis didalam mematuhi peraturan yang digariskan oleh Pihak Penguasa Tempatan bagi kerja-kerja pengubahsuaian rumah. Objektif yang digunakan ialah mengetahui tahap pengetahuan pemilik premis tentang syarat-syarat pengubahsuaian rumah yang ditetapkan oleh PBT, menilai tahap kepatuhan pemilik premis terhadap garis panduan pengubahsuaian rumah yang digariskan oleh PBT dan mengenalpasti jenis kesalahan yang sering dibuat oleh pemilik rumah semasa membuat pengubahsuaian rumah. Selain itu, kajian ini dijalankan di kawasan Taman Kulim Utama Fasa 2, 09000 Kulim, Kedah. Tambahan lagi, kaedah yang digunakan untuk menyiapkan projek ini ialah melalui soal selidik dan kaedah senarai semak/pemerhatian. Soalan soal selidik diberikan kepada 52 orang responden iaitu 30 responden perempuan dan 22 orang responden lelaki. Dalam kajian ini, kami telah mengenalpasti kepentingan tentang syarat – syarat yang ditetapkan oleh PBT terhadap pemilik premis didalam pengubahsuaian rumah. Dapatan menunjukkan peraturan-peraturan ini sangat penting untuk mengenalpasti syarat-syarat utama yang telah ditetapkan oleh PBT Kulim Hi-Tech yang perlu diambil kira oleh pihak tuan rumah di dalam melakukan kerja-kerja pengubahsuaian rumah. Selain itu, penting untuk memberi kesedaran kepada penduduk setempat tentang syarat-syarat yang perlu dipatuhi bagi kerja-kerja pengubahsuaian rumah supaya tidak dikenakan tindakan.

TITTLE:**KAJIAN TAHAP KESEDIAAN MAJIKAN DAN PEKERJA DI TAPAK PEMBINAAN DI DAERAH KOTA SETAR DALAM MENANGANI PANDEMIK COVID-19****GROUP MEMBERS:**

Mohd Khairul Anuar Bin Haron, Noor Azma Binti Abu Bakar, Nurul Ain Nabilah Binti Rosli, Muhammad Fakhry Bin Fisol

Department : Civil Engineering Department

ICCE'21 V10

ABSTRACT:

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji tahap kesediaan majikan dan pekerja di tapak pembinaan di daerah Kota Setar dalam menangani pandemik Covid-19. Lokasi kajian adalah di tapak pembinaan di sekitar daerah Kota Setar. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti tahap kepatuhan terhadap garis panduan pencegahan Covid-19 di tapak pembinaan dan mengenalpasti norma baharu dalam kerja-kerja pembinaan yang diadaptasi di tapak pembinaan dalam pencegahan wabak Covid -19. Kedua-dua objektif ini dipilih kerana untuk mengkaji dua aspek tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik dan pemerhatian. Seramai 214 orang responden telah menjawab borang soal selidik tersebut. Responden kajian ini terdiri daripada majikan dan pekerja yang bekerja di tapak pembinaan, Hasil dapatan mendapati bahawa Covid-19 yang merebak di tapak pembinaan ini berpunca daripada tempat penginapan yang sesak. Selain itu, terdapat segelintir majikan dan pekerja SOP di tapak pembinaan. Tambahan pula, majikan dan pekerja tidak mengamalkan tahap kebersihan yang tinggi di tapak pembinaan. Disebabkan itu, penularan wabak di tapak pembinaan amat membimbangkan pada masa sekarang. Seterusnya, penjagaan SOP di tapak pembinaan amat penting bagi majikan dan pekerja mahupun sesiapa sahaja yang memasuki kawasan tapak pembinaan. Hasil pemerhatian di tapak pembinaan terdapat beberapa tapak pembinaan tidak patuh kepada SOP seperti tidak menjaga penjarakan fizikal, tidak memakai pelitup muka dan hidung.

TITTLE:**KAJIAN REKABENTUK PENGHASILAN WATER CLEANER
MENGUNAKAN HAMPAS TEBU, TONGKOL JAGUNG DAN AIR TASIK
KULIM SEBAGAI BAHAN KAJIAN****GROUP MEMBERS:**

Ali Bin Jasmi, Nur Aqillah Binti Ismail, Nor Mashitah Binti Othman

Department : Civil Engineering Department

**ABSTRACT:**

Air Tasik Kulim yang dahulunya bersih telah tercemar akibat daripada sikap warga Kulim yang tidak bertanggungjawab secara tidak langsung. Objektif utama kajian ini adalah untuk menghasilkan penapis air "WATER CLEANER" untuk menambahbaik air tasik daripada tercemar. Mengenal pasti masalah yang timbul juga memberi cadangan kaedah terbaik untuk menyelesaikan segala masalah yang timbul. Skop kajian ini meliputi penyelenggaraan projek yang dilakukan bagi memastikan kajian ini dilakukan dengan betul. Selain itu, kajian ini melibatkan sisa-sisa pertanian yang dibuang begitu sahaja dan dikitar semula dalam kajian ini. Kajian ini juga merangkumi kajian literatur, pengumpulan maklumat, lawatan ke lokasi kajian, penganalisaan maklumat yang diperolehi dan akhir sekali penulisan laporan kajian. Seterusnya, kajian ini bertujuan mengkaji parameter air tasik Kulim. Berdasarkan keputusan yang diperolehi, tasik Kulim mempunyai beberapa kandungan parameter iaitu kekeruhan, kandungan ammonia dan pH yang menunjukkan keputusan yang tidak baik.

TITTLE:**KAJIAN KESEDARAN MASYARAKAT TENTANG KEPRIHATINAN
AMALAN KITAR SEMULA****GROUP MEMBERS:**

Jaafar Bin Abdul Rahman, Muhammad Azri Zaim Bin Kamaruddin, Muhammad Firdaus Bin Kamil

Department : Civil Engineering Department

ICCE'21 V10

ABSTRACT:

Program kitar semula adalah salah satu strategi yang dilaksanakan untuk mengelakkan risiko peningkatan jumlah sampah domestik di tempat pembuangan sampah negara. Berbagai usaha dan inisiatif dilakukan oleh pemerintah untuk mengurangkan kos pengurusan sampah yang dibebankan kepada pihak berkuasa tempatan nasional yang setiap tahun menyumbang sekitar RM1 bilion. Terdapat banyak faktor penting yang menyumbang kepada tingkah laku masyarakat terhadap program ini. Secara umum, ia dapat diklasifikasikan menjadi dua iaitu faktor tingkah laku dan, penyertaan masyarakat dalam kitar semula yang diprogramkan. Penyelidikan ini bertujuan untuk memahami tingkah laku masyarakat terhadap kitar semula yang diprogramkan di kawasan Kulim Hi-tech, Kedah, Malaysia. Sebanyak 102 responden dipilih dalam persampelan rawak di kawasan ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden terlibat dengan kitar semula yang diprogramkan di kawasan mereka namun tidak mempraktikkannya di rumah. Oleh itu, pihak berkuasa harus mempertimbangkan pendekatan bersepadu dan holistik untuk mereformasi kitar semula yang diprogramkan dengan konteks tempatan dan memudahkan untuk mengubah mentaliti di kalangan masyarakat tersebut.

TITTLE:**MENAIKTARAF GARISAN TEMPAT LETAK MOTOSIKAL PELAJAR
POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYIAH****GROUP MEMBERS:**

Nur Syuhaila Binti Ahmad, Nur Husna Binti Mohd Sariff, Nur Sakinah Binti Md Nor

Department : Civil Engineering Department

**ABSTRACT:**

